

TRANSFORMASI PETANI DI KEDAH MELALUI LENSE NOVEL BERALIH SEBUAH PIAMA OLEH OSMAN AYOB: SATU TINJAUAN SOSIOEKONOMI DAN SEJARAH AGRARIA

HUSAIRI HUSSIN

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

husairi.hussin@usm.my

ABSTRAK

Novel *Beralih Sebuah Piama* (2024) karya Osman Ayob akan dianalisis sebagai naratif sastera yang mendokumentasikan perubahan struktur sosioekonomi petani di Kedah susulan perkembangan pesat industri penanaman padi. Kajian ini memberi tumpuan kepada (1) mengenal pasti dasar kerajaan yang merombak bentuk perhubungan antara manusia, tanah dan teknologi dan (2) menganalisis transformasi kehidupan petani tradisional dalam menghadapi gelombang pembangunan agraria. Pendekatan interdisiplin yang menggabungkan kaedah analisis teks sastera melalui kerangka teori sejarah sosial digunakan bagi menghubungkan peristiwa naratif dalam novel dengan latar sejarah sebenar, khususnya era pasca penubuhan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan perlaksanaan Dasar Pertanian Negara. Analisis mendapati bahawa novel ini bukan sahaja merakam kerencaman emosi dan identiti petani dalam zaman peralihan, malah memperlihatkan konflik generasi, keterasingan budaya tradisional serta cabaran modenisasi dalam konteks luar bandar. Justeru, novel *Beralih Sebuah Piama* memperkukuh fungsi sastera sebagai wadah alternatif yang memberi wacana tandingan terhadap naratif pembangunan negara secara rasmi. Kajian ini menyarankan agar karya sastera kontemporari diberi ruang yang lebih besar dalam perbincangan sejarah agraria Malaysia bagi membina pemahaman holistik terhadap dinamika pertanian.

Kata kunci: sastera pembangunan; petani; transformasi agraria; novel Melayu; kontemporari

THE TRANSFORMATION OF FARMERS IN KEDAH THROUGH THE LENS OF THE NOVEL BERALIH SEBUAH PIAMA BY OSMAN AYOB: A SOCIOECONOMIC AND AGRARIAN HISTORICAL SURVEY

ABSTRACT

The Novel *Beralih Sebuah Piama* (2024) written by Osman Ayob will be analyzed as a literary narrative that documents the changes of socioeconomical structures of the farmers in Kedah due to the rapid development of the paddy field cultivation. This research is to focus on (1) to identify the government policies in restructuring the relationship between human, land and technology and (2) to analyze the transformation of traditional farmers 'live in facing the wave of the agrarian development. An interdisciplinary approach that combines both literary text analysis method and the theoretical framework of social history is used to connect the narrative events in the novel with

the actual historical contexts in particular to the post establishment era of the Muda Agricultural Development Authority (MADA) and the implementations of the National Agricultural Policy. The analysis finds that this novel not only captures the complexity of emotions and identities of the farmers during a period of transition, but also highlights the generational conflict, the alienation of traditional culture and the challenges of modernization in rural contexts. Hence, this novel *Beralih Sebuah Piama* strengthen the role of literature as the alternative medium that offers a counter-discourse to the official narrative of national development. This study suggest that contemporary literary works should be given greater space in discussions of Malaysia's agrarian history to foster a more holistic understanding of agricultural dynamics.

Keywords: development literature; farmers; agrarian transformation; Malay novel; contemporary

PENGENALAN

Sastera merupakan cerminan masyarakat dan berfungsi sebagai medium untuk merakam pengalaman, nilai serta perubahan sosial dalam sesuatu komuniti. Di Malaysia, novel Melayu sering dijadikan wadah untuk menyalurkan suara golongan marhaen termasuk masyarakat tani yang berhadapan dengan pelbagai cabaran sosioekonomi. Novel *Beralih Sebuah Piama* (2024) karya Osman Ayob merupakan salah sebuah karya penting yang memperincikan pergolakan masyarakat petani di Kedah iaitu negeri yang sinonim dengan kegiatan pertanian, khususnya penanaman padi sawah. Latar desa yang digambarkan dalam novel tersebut tidak sekadar menjadi hiasan naratif tetapi berfungsi sebagai latar sosial yang memperlihatkan impak perubahan dasar agraria dan pembangunan luar bandar terhadap identiti, pekerjaan serta struktur kehidupan masyarakat petani.

Novel sebagai wahana sastera telah memainkan peranan penting dalam merakam pelbagai dimensi pembangunan masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat di luar bandar. Dalam konteks perbincangan ini, wacana sastera pembangunan muncul sebagai medan penting untuk memahami naratif sastera Melayu kontemporari dalam memetakan kesan transformasi sosial, ekonomi dan budaya yang berlaku dalam kalangan komuniti marginal seperti golongan petani (Abdullah Hassan, 2021 dan Shamsul Amri Baharuddin, 2019). Seiring dengan itu, negeri Kedah yang sinonim sebagai jelapang padi negara menjadi medan signifikan dalam perbincangan berkaitan sejarah agraria. Terutamanya yang melibatkan perubahan struktur pemilikan tanah, peranan institusi seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan pelaksanaan dasar negara seperti Dasar Agromakanan Negara (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2022).

Secara sejarahnya, Kedah telah menjadi pusat utama kegiatan agraria sejak era prakolonial. Negeri jelapang padi ini telah menggerakkan ekonomi tempatan untuk menjadi nadi kepada perkembangan ekonomi negara. Namun, perubahan dasar tanah, pengenalan teknologi moden serta perluasan skala perusahaan pertanian pascakolonial telah membawa implikasi besar kepada golongan petani. Hal ini kerana beberapa aspek perubahan seperti pola pemilikan tanah, gaya hidup dan kestabilan sosioekonomi petani telah memberi impak besar kepada golongan tersebut. Malahan, berlakunya proses pembandaran desa, migrasi belia tani serta kemunculan institusi seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menandakan transformasi mendalam dalam sejarah agraria di negeri Kedah.

Transformasi masyarakat petani bukan sahaja melibatkan aspek ekonomi tetapi juga merangkumi pergeseran nilai, peranan tradisional dan hubungan kuasa antara petani dengan pihak

berautoriti. Dalam konteks di Kedah, perubahan ini berlaku selari dengan peralihan dasar kerajaan serta kemunculan institusi baharu yang mencorak semula pola kehidupan luar bandar. Maka, kajian ini bertujuan untuk menelusuri novel *Beralih Sebuah Piama* (Osman Ayob, 2024) yang mengangkat tema tersebut serta peranan naratif ini yang dapat difahami sebagai dokumen sastera yang memperkukuh pemahaman terhadap sejarah agraria dan dinamik sosioekonomi petani. Melalui pendekatan interdisiplin yang merentas bidang sastera dan kajian sejarah sosial, analisis ini berhasrat menyumbang kepada perbincangan tentang sastera agraria serta peranan teks kreatif dalam mendokumentasikan pengalaman dan perubahan dalam masyarakat.

Sehubungan dengan itu, objektif penulisan ini pertama (1) mengenal pasti dasar kerajaan yang merombak bentuk perhubungan antara manusia, tanah dan teknologi; serta (2) menganalisis naratif yang membentuk gambaran sejarah sosial tentang transformasi kehidupan petani tradisional dalam menghadapi gelombang pembangunan agraria. Bagi tujuan tersebut, novel *Beralih Sebuah Piama* dianalisis teks menggunakan pendekatan teori sejarah sosial oleh Thompson dan konsep sastera sebagai dokumen sosial digunakan bagi menelusuri dinamika naratif yang melibatkan agensi pertanian, struktur kuasa serta wacana pembangunan dalam konteks Negeri Kedah.

SOROTAN LITERATUR

Sastera pembangunan di Malaysia berakar daripada gagasan bahawa kesusasteraan bukan semata-mata alat estetika tetapi juga berperanan sebagai wadah pemikiran dan perubahan sosial. Abdullah Hassan (2021) menekankan bahawa naratif sastera Melayu moden sering mencerminkan dinamika kuasa, ketempangan kelas dan kesenjangan pembangunan di daerah pedalaman. Beliau menggesa pembacaan sastera sebagai alat pembebasan pemikiran dan bukan sekadar hiburan linguistik. Dalam hal ini, novel-novel Melayu kontemporari muncul sebagai contoh sastera pembangunan yang menyuarakan keresahan masyarakat marhaen melalui naratif yang puitis dan kritikal terhadap sistem agraria dan dasar modenisasi di luar bandar.

Representasi masyarakat petani dalam novel Melayu telah dikenal pasti sebagai wadah penting untuk menyuarakan identiti budaya serta krisis sosial yang dihadapi komuniti luar bandar. Zawiyah Baba Abdullah (2019) misalnya mendapati bahawa penulisan yang berfokus kepada masyarakat petani sering dikaitkan dengan konflik nilai antara tradisi dan modenisasi. Watak petani lazimnya digambarkan berdepan dengan perubahan dasar pertanian, penghijrahan generasi muda, dan ketamakan pihak berkepentingan politik yang akhirnya menggugat kesejahteraan mereka. Dalam konteks ini, kajian-kajian terdahulu menegaskan bahawa novel-novel Melayu turut menyorot peralihan mentaliti petani serta memperlihatkan ketahanan emosi mereka dalam menghadapi tekanan daripada pihak luar, malah mengungkap naratif yang mempertautkan perubahan struktur dengan psikologi komuniti.

Aziz Deraman dalam penulisannya *Budaya dan Pembangunan: Satu Pendekatan Kemanusiaan* (2022) mengetengahkan pendekatan yang berakar pada nilai-nilai kemanusiaan dalam membincangkan hubungan antara budaya dan pembangunan. Aziz menekankan bahawa pembangunan yang benar-benar berkesan perlu mengambil kira unsur budaya, bukan hanya sebagai latar sosial tetapi sebagai teras kepada penentuan hala tuju dan matlamat pembangunan. Aziz menegaskan, pembangunan yang hanya bersifat material dan berasaskan kepada model ekonomi semata-mata akan mencetuskan ketempangan dalam masyarakat termasuk keruntuhan moral, krisis identiti dan ketidakseimbangan sosial. Oleh itu, budaya harus dilihat sebagai sumber

kekuatan dalaman (*inner strength*) masyarakat yang mampu membentuk pembangunan yang seimbang dan berdaya tahan.

Seterusnya, Haslina Ismail (2020) dalam artikelnya *Sawah dan Simbolisme Budaya dalam Novel Melayu Kontemporari* meneliti elemen latar sawah yang digunakan sebagai simbol budaya yang sarat makna dalam naratif sastera Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa sawah tidak hanya berfungsi sebagai latar tempat tetapi menjadi lambang identiti, warisan dan kelangsungan hidup masyarakat desa. Melalui analisis beberapa novel kontemporari, Haslina menyorot tentang sawah melambangkan nilai tradisi, kesatuan komuniti, dan hubungan manusia dengan alam. Namun, simbol ini turut dicabar oleh arus pemodenan dan pembangunan yang mengancam kelestarian warisan budaya. Kajian Haslina memperkukuh kefahaman terhadap unsur agraria dalam kesusasteraan boleh membawa dimensi simbolik yang mendalam terhadap wacana identiti dan perubahan sosial.

Dalam konteks negeri Kedah sebagai negeri jelapang padi utama di Malaysia, beberapa kajian telah mendokumentasi transformasi agraria yang telah berlaku. Dalam artikelnya, Noor Aida Razali (2022) membincangkan tema perpindahan dan keterasingan (*displacement*) dalam fiksiyen Melayu dengan menelusuri naratif peralihan dari ruang agraria, khususnya sawah padi ke pinggir bandar. Beliau menekankan proses urbanisasi dan pembangunan telah mencetuskan pergeseran identiti, peminggiran komuniti desa dan krisis sosial dalam kalangan watak-watak fiksiyen. Beliau membaca karya-karya ini sebagai cerminan pengalaman traumatik masyarakat Melayu yang terpaksa meninggalkan tanah warisan demi janji kemajuan. Kajian ini menyumbang kepada perbincangan tentang kesusasteraan migrasi dan menyoroti tentang fiksiyen Melayu yang menjadi medium penting untuk merakam realiti sosioekonomi yang berubah terhadap identiti dan keutuhan komuniti.

Selain itu, Transformasi agraria di Kedah juga tidak terpisah daripada isu dasar negara seperti Dasar Agromakanan Negara. Kajian oleh Teh dan Yusof (2023) menunjukkan perubahan kepada dasar pengeluaran beras dan peningkatan penggunaan teknologi telah menjejaskan cara hidup tradisional, khususnya petani kecil di kawasan luar bandar. Namun begitu, mereka juga menyatakan tiadanya representasi sastera yang membingkai kesan dasar tersebut kepada naratif budaya. Justeru, novel-novel yang berlatarkan pertanian boleh ditinjau dan digali sebagai karya yang mendokumentasi reaksi batin serta emosi para petani terhadap perubahan dasar dalam bentuk yang estetik dan bermakna.

Noriah Mustafa (2023) pula meneliti perihal golongan petani dalam sastera Melayu sebagai simbol perjuangan kelas, ketahanan budaya dan realiti sosioekonomi luar bandar. Artikel ini menjelaskan naratif tentang petani bukan sekadar sebagai latar atau watak pinggiran tetapi sebagai subjek yang membawa beban sejarah dan wacana keadilan sosial. Dengan meneliti beberapa karya prosa, Noriah menunjukkan watak petani digambarkan menghadapi tekanan dari dasar pembangunan, ketidakadilan tanah dan peminggiran ekonomi. Namun begitu, naratif sastera juga memperlihatkan petani sebagai simbol kekuatan moral dan penjaga nilai tradisional Melayu. Kajian ini menegaskan peranan penting sastera dalam merakam suara golongan bawahan dan memperlihatkan konflik antara struktur kuasa dengan komuniti agraria.

Novel Melayu kontemporari telah lama berfungsi sebagai dokumen sosial yang menyimpan rekod sejarah alternatif masyarakat. Siti Rahmah Abdul Karim (2021) berhujah bahawa novel adalah arkib naratif yang mempertemukan peristiwa mikro dengan struktur makro. Hal ini menjadikan sastera sebagai sumber sejarah yang sah dan tuntas terhadap sesuatu aspek seperti kesan emosi. Hal ini membolehkan analisis teks terhadap novel-novel Melayu terpilih yang

berada di pasaran dilihat sebagai satu pendekatan sejarah sosial yang mengangkat suara komuniti marginal yang sering dilupakan dalam dokumentasi rasmi negara.

Sehubungan dengan itu, sastera yang berpaksikan kepada naratif petani juga berfungsi mengangkat keperluan mendengar suara dari bawah. Faridah Hanim dan Zulkarnaen Haron (2022) dalam analisis mereka terhadap novel-novel berunsur realisme menyatakan bahawa konflik watak petani bukan semata-mata antara manusia dan tanah tetapi juga mencerminkan konflik struktural antara rakyat dengan dasar oleh pihak yang berautoriti. Maka pendekatan membaca dan menganalisis novel perlu bergerak melampaui makna literal dan menyingkap simbol serta naratif diam yang mencerminkan tekanan ekonomi, psikologi dan kebudayaan terhadap golongan petani.

Dari sudut teori pula, pendekatan sejarah sosial seperti yang diketengahkan oleh Thompson (1966) dan Williams (1977) amat sesuai untuk kajian ini kerana memberi perhatian kepada sejarah dari bawah, iaitu suara golongan bawahan terutama para petani. Hal ini boleh diteliti melalui kajian Ahmad Faizal Musa (2023) yang mengadaptasi pendekatan ini dalam kajian sastera Malaysia dan menekankan bahawa watak-watak marhaen dalam novel Melayu mengandungi naratif sejarah yang setanding dengan dokumen rasmi. Justeru, aplikasi pendekatan sejarah sosial dalam pembacaan novel-novel Melayu yang berada di pasaran akan membolehkan naratif yang terpinggir ini diperjelaskan secara sistematik dan bermakna.

Selain itu, Roselina Abdul Hamid (2020) meneroka imaginasi desa dan suara subaltern dalam novel-novel Melayu kontemporari dengan menyoroti golongan bawahan luar bandar diangkat melalui naratif sastera. Artikel ini menggunakan pendekatan pascakolonial untuk meneliti watak-watak dari kelas marhaen diberi ruang bersuara dalam menghadapi dominasi kuasa ekonomi, politik dan budaya. Beliau berpendapat bahawa desa dalam teks sastera bukan sekadar latar geografi tetapi sebuah medan wacana yang memperlihatkan pertentangan antara pusat dan pinggiran. Kajian ini memperkukuh kefahaman tentang sastera berperanan menentang dominasi struktur sosial dan memberi keabsahan kepada pengalaman komuniti yang sering dipinggirkan dalam naratif arus perdana.

Akhir sekali, Shamsul Amri Baharuddin (2024) menyeru agar pendekatan interdisiplin dalam memahami budaya desa dan pembangunan negara dilaksanakan oleh para pengkaji. Beliau menekankan keperluan menggabungkan teks sastera, data dasar dan pengalaman komuniti untuk memperoleh kefahaman menyeluruh tentang perubahan sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, gabungan pendekatan sejarah sosial dan pembacaan naratif estetik terutamanya dalam novel *Beralih Sebuah Piama* oleh Osman Ayob (2024) dapat memberikan suara yang lebih menyeluruh terhadap cabaran, kehilangan dan adaptasi masyarakat petani di Kedah dalam arus pembangunan nasional.

PENDEKATAN ANALISIS DAN KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah sosial sebagai kerangka analisis utama untuk meneliti wacana masyarakat petani dalam novel *Beralih Sebuah Piama* (2024) karya Osman Ayob. Pendekatan ini dipilih kerana memberi penekanan terhadap hubungan dialektik antara individu, masyarakat dan struktur sejarah, terutama dalam memahami pengalaman hidup komuniti desa khususnya petani yang dibingkaikan dalam naratif sastera. Kajian ini menggunakan kerangka sejarah sosial oleh Thompson (1966) dan realisme sosial oleh Williams (1977), kerana keduanya memberi asas teori untuk memahami agensi kelas pekerja dan peranan budaya sebagai medan perjuangan ideologi. Walaupun berakar dari tradisi Barat, pendekatan ini sesuai

diaplikasikan dalam konteks Malaysia kerana persamaan pengalaman kelas bawahan (petani) yang berhadapan dengan kuasa hegemonik negara dan struktur moden.

Menurut Williams (1977) dalam *Marxism and Literature*, kesusasteraan bukan sekadar hasil ciptaan estetik semata-mata. Sebaliknya turut berfungsi sebagai medan pertarungan wacana yang mencerminkan struktur ekonomi dan sosial masyarakat dalam sesuatu zaman. Dalam konteks kajian ini, novel yang diteliti dapat difahami sebagai dokumen budaya yang merakam kesedaran kelas, pertentangan ideologi dan transformasi sejarah. Pendekatan sejarah sosial mengizinkan untuk pengkaji mengesan elemen-elemen perubahan sosioekonomi seperti peralihan cara hidup agraria, kebiasaan atau ragam produksi tradisional, dan pembentukan kesedaran kelas petani direpresentasikan secara naratif dalam teks sastra (Ahmad Faizal Musa, 2023).

Thompson (1966) pula dalam karya klasiknya *The Making of the English Working Class*, menekankan kepentingan memahami sejarah dari bawah iaitu melalui pengalaman golongan bawahan atau *subaltern*. Hal ini sering kali diabaikan dalam naratif besar sejarah rasmi. Pendekatan ini menjadi sangat signifikan dalam kajian ini kerana novel *Beralih Sebuah Piama* (2024) memberi tumpuan kepada watak-watak petani yang berdepan tekanan struktural akibat modenisasi dan perubahan dalam sistem pertanian. Melalui pendekatan Thompson ini, penekanan diberikan kepada naratif peribadi dan budaya harian petani sebagai asas perjuangan terhadap makna dan identiti sesuatu kelas (Mohd Wahab, 2021).

Seterusnya, dalam konteks sastra Malaysia, Shamsul Amri Baharuddin (2024) menegaskan bahawa pendekatan sejarah sosial membantu menyingkap dinamika kuasa yang tersembunyi dalam teks melalui pembacaan kritikal terhadap dimensi struktur sosial yang membentuk dan mengubah budaya masyarakat desa. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan tersebut, kajian dapat menelusuri naratif dalam novel menjadi medan untuk memahami pergolakan identiti, konflik pemilikan tanah dan pertembungan antara sistem tradisional dengan kekuatan struktur luar seperti kapitalisme pertanian.

Selari dengan itu, Mohd Ismail Bakar (2020) menyatakan bahawa pendekatan sejarah sosial dalam sastra membolehkan pembaca memahami suara-suara golongan seperti petani, buruh dan marhaen. Golongan ini bukan sebagai objek yang dipaparkan secara romantik tetapi sebagai subjek aktif yang memiliki kesedaran, strategi dan agensi dalam menghadapi cabaran perubahan zaman. Pendekatan ini juga bersifat interdisiplin kerana membuka ruang dialog antara teks sastra dengan bidang antropologi, sosiologi dan sejarah. Perkara ini juga dijelaskan dalam penulisan Ramlah Jaafar (2022) sebagai transformasi nilai hidup kolektif komuniti desa yang terhakis oleh cabaran sekeliling terutama desakan perubahan.

Selain itu, pendekatan ini selaras dengan realisme sosial, satu pendekatan sastra yang menekankan representasi realiti sosial secara jujur dan kritikal. Dalam novel *Beralih Sebuah Piama* (2024), aspek realiti kehidupan ini dapat dilihat melalui perincian kehidupan petani, konflik generasi, masalah pemilikan tanah dan mekanisasi pertanian yang merubah landskap sosioekonomi luar bandar. Shamsul Azri (2025) menegaskan bahawa gabungan realisme dan sejarah sosial dalam sastra dapat membongkar realiti yang tersembunyi di sebalik retorik pembangunan negara.

Jelaslah bahawa gabungan antara sejarah sosial dan prinsip realisme sosial dalam kajian ini bukan sahaja memperkukuh kerangka teoritikal, malah membuka ruang tafsiran yang lebih kritikal terhadap kedudukan petani sebagai agen sejarah dalam wacana sastra Melayu moden (Shad Saleem Faruqi, 2022). Teori ini menjadi alat analisis untuk mengenal pasti naratif golongan

kelas, penindasan terhadap sistem dan strategi wacana yang digerakkan melalui penceritaan watak-watak dalam novel.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks sastra sebagai kaedah utama. Kaedah ini membolehkan kajian dibuat secara mendalam kandungan teks dari aspek tematik, struktur naratif dan konteks sejarah sosial. Novel *Beralih Sebuah Piama* (Osman Ayob, 2024) telah dipilih secara sampel bertujuan (*purposive sampling*) kerana isinya yang memfokuskan kepada kehidupan masyarakat tani di Kedah dalam tempoh peralihan struktur ekonomi dan sosial. Pemilihan teks ini disokong oleh hujah Hassan Wan Abdul Kadir (2021) bahawa kesusasteraan sering menjadi wahana penting dalam mendokumentasikan naratif rakyat marhaen, khususnya golongan di luar bandar.

Bagi menjelaskan dimensi sejarah dalam teks, pendekatan analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema serta persoalan juga isu utama seperti perubahan struktur pemilikan tanah, konflik generasi, pengaruh luar terhadap komuniti agraria dan ketahanan identiti para petani. Semua isu tersebut kemudian akan ditafsirkan menggunakan pendekatan pembacaan sejarah sosial, sebagaimana yang dihuraikan oleh Hassan Mat Zain (2022) dan Noraini Jusoh (2021) dalam konteks naratif desa Melayu yang menekankan pentingnya memahami teks sastra sebagai dokumen sejarah masyarakat kelas bawahan.

Selain itu, kajian turut mengaplikasikan pendekatan pembacaan dari bawah seperti yang digariskan oleh Zawiyah Baba Abddulah (2019) yang menyeru kepada penilaian semula peranan subjek-subjek terpinggir seperti golongan petani, nelayan dan buruh dalam wacana pembangunan negara. Pendekatan ini membolehkan pembacaan teks dilakukan dengan memberi keutamaan kepada naratif perjuangan kelas, konflik identiti dan peminggiran budaya desa dalam arus pembangunan moden. Analisis tentang pembangunan tanah (*land development*) dalam novel Malaysia berbahasa Inggeris juga jelas diperkatakan dalam kajian oleh Haliza Azman (2018).

Sehubungan itu, bagi memperkukuh analisis, pendekatan analisis teks secara mendalam (*close reading*) digunakan untuk meneliti elemen-elemen naratif seperti watak, dialog, simbol dan struktur plot. Kaedah ini membolehkan peneliti mengesan strategi penceritaan oleh Osman Ayob dalam membina dunia tekstual yang sarat dengan kritikan sosial. Hal ini selari dengan pandangan Syahrul Azmi Rashid (2020) yang menegaskan bahawa teks-teks sastra pasca-2020 menunjukkan kecenderungan tinggi terhadap naratif ketegangan antara tradisi dan moden dalam landskap agraria. Hal ini juga dikatakan oleh Noriah Mohamed Shamsuddin (2020) sebagai cerminan realiti dalam wahana membentuk naratif sejarah.

Dalam menganalisis perubahan sosiobudaya dalam komuniti petani, kajian ini merujuk kepada penelitian Noor Shah Moin (2020) yang mengaitkan pembangunan agroteknologi dengan implikasi terhadap budaya dan identiti petani. Penelitian tersebut digunakan sebagai latar empirikal untuk memahami realiti yang dialami komuniti desa. Namun demikian, analisis utama kajian ini tetap berpaksikan kepada pendekatan sejarah sosial seperti yang disarankan oleh Azizah Hamzah Ahmad (2020). Melalui kerangka teori ini, novel *Beralih Sebuah Piama* (2024) dibaca bukan sahaja sebagai teks estetika, tetapi juga sebagai testimoni sejarah perubahan landskap sosioekonomi Melayu di Kedah.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Perbincangan ini akan merangkumi beberapa aspek penting yang dianalisis teks seperti yang telah dijelaskan berdasarkan novel *Beralih Sebuah Piama* (2024) oleh Osman Ayob, berpadanan dengan pendekatan sejarah sosial;

OSMAN AYOB

Penerima Anugerah S.E.A Write (Malaysia) 2022 ini dilahirkan di Kampung Alor Gelenggang, Sungai Daun, Yan, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Besar sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat menengah. Pada tahun 2013, beliau lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sebagai calon persendirian di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana sastera di Universiti Sains Malaysia (USM). Dari segi kerjaya, beliau pernah bertugas sebagai kerani di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (1976–1979), juruteknik di Jabatan Ukur Kedah/Perlis (1979), dan seterusnya di Telekom Malaysia Berhad (1987). Setelah itu, beliau memilih untuk menjadi penulis sepenuh masa dan terus berkarya dalam dunia sastera.

Osman Ayob seorang penulis prolific yang telah menghasilkan lebih 200 buah cerpen, 29 buah novel pelbagai genre seperti kanak-kanak, remaja dan dewasa. Latar belakang kepengarangannya yang luas ini banyak membantu beliau dalam penghasilan karya yang bermutu dan memberi impak kepada masyarakat. Pendekatan realisme yang diguna pakai merakamkan realiti kehidupan masyarakat dalam penulisan menjadi dokumentasi sejarah yang sangat berguna (Noriah Mohamed Shamsuddin, 2020). Hal ini bersesuaian dengan pendekatan sejarah oleh Williams (1977), karya sastera berfungsi sebagai medan menentukan struktur sosial masyarakat sesuatu zaman itu.

NOVEL *BERALIH SEBUAH PIAMA*

Novel ini yang diterbitkan pada tahun 2024 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), mengisahkan perjuangan golongan pesawah di sebuah kampung terpencil di negeri Kedah. Kampung Alur Nipah yang terletak di Yan menjadi latar utama kepada kisah perjuangan pesawah yang diketuai oleh Endut dalam menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran hidup. Kehidupan mereka bergantung sepenuhnya kepada tanaman padi sebagai sumber pendapatan utama untuk menyara keluarga, maka jatuh bangun nasib mereka ditentukan oleh hasil usaha sendiri. Pelbagai rintangan terpaksa ditempuh, sama ada berpunca daripada faktor alam semula jadi mahupun dasar kerajaan yang berubah-ubah. Cabaran tersebut merangkumi perubahan musim (piama) penanaman, masalah sikap segelintir penduduk kampung, serta pengaruh sepak terajang politik Tanah Air yang turut memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Pengarang memerikan dengan menarik usaha awal penduduk membuka kampung dan menebang hutan paya bakau untuk dijadikan sawah. Dalam naratif ini, pelbagai permasalahan turut digarap, termasuk ancaman binatang buas, serangan serangga berbisa, keadaan cuaca yang tidak menentu, isu politik semasa, kelemahan sistem pengairan, kemiskinan, serangan makhluk perosak tanaman padi, masalah ternakan, serta tekanan kehidupan berjiran. Rangkuman aspek sosial, ekonomi, dan politik semasa tersebut membentuk hubungan dialektik antara individu, masyarakat,

dan struktur sejarah dalam karya ini, seperti yang ditegaskan oleh Thompson (1966). Huraian yang lebih jelas dan terperinci adalah seperti berikut;

PERUBAHAN STRUKTUR PEMILIKAN TANAH

Perubahan struktur pemilikan tanah merupakan antara kesan ketara pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan dalam usaha memodenkan negara. Projek kerajaan dalam pembinaan infrastruktur menyebabkan berlakunya perubahan yang membawa kepada konflik nilai (Aziz Deraman, 2022) seperti pengambilalihan tanah oleh pihak berkuasa. Hal ini jelas melalui petikan berikut;

.... (Lebai Mat) Dia sedar beberapa bulan sebelum itu, tanahnya disukat oleh sepasukan juruukur. Tahulah dia bahawa tanahnya terbabit dalam pengambilan untuk projek raksasa itu. Dia tidak menolak apabila kerani kewangan pejabat tanah memintanya menandatangani sekeping borang. Kemudian sejumlah wang pampasan dihulurkan kepadanya (Hlm. 97).

Perubahan yang dilakukan oleh kerajaan ini sangat jelas bertujuan untuk membantu para petani dan secara tidak langsung membawa memajukan ke arah perkembangan pertanian negara seperti yang dinyatakan dalam petikan berikut;

... projek Empangan Muda telah dirancang dengan teliti oleh kerajaan pusat. Projek yang menelan belanja besar itu dibiayai oleh Bank Dunia. Walaupun dalam bentuk pinjaman, Bank Dunia yakin dengan hasil dan faedah projek itu kelak. Ia membawa manfaat besar kepada negeri Kedah yang telah lama diberi gelaran negeri Jelapang Padi, terletak di lembah yang menganjur dari Kubang Pasu hingga ke Yan. (Hlm. 143-144).

Begitu juga dengan petikan berikut;

“Ya, sekarang kita dah nampak, projek tali air dan tanaman padi dua kali setahun ni akan bawa banyak perubahan dan faedah dalam hidup kita.” Endut berdiri tegak memandang kejauhan. (Hlm. 166).

Selain itu, perubahan pemilikan tanah ini bukan sahaja berpunca daripada pengambilalihan oleh kerajaan, tetapi juga daripada tindakan petani sendiri yang menjual atau menggadaikan tanah mereka kerana desakan ekonomi. Fenomena ini mencerminkan refleksi nilai masyarakat (Ghazali Salleh, 2022), iaitu perubahan pemilikan tanah turut berlaku akibat penjualan atau gadaian tanah oleh petani kepada golongan berada. Perkara ini jelas melalui petikan di berikut;

... Dorongan kewangan memaksanya berbuat demikian. Ia (Lebai Mat) memerlukan wang. Untuk meminjam duit ceti atau TAUKE Ah Seng di Pekan Simpang Tiga, bunganya amat tinggi. (Hlm. 97).

Hal ini menyebabkan petani yang kehilangan tanah tersebut terpaksa pula meneruskan kelangsungan hidup pertanian dengan cara memajak atau menyewa tanah tersebut seperti dalam petikan-petikan berikut;

Long Pendekar juga sama. Lima belas relung tanah sawah yang disewa milik tuan tanah yang menetap di Bukit Mertajam. Sebelum itu, tanah berkenaan kepunyaan Sebolah. Kerana gila macok di Kedai Seng Kiak, Sebolah terperangkap dengan gadai janji. Akhirnya tanahnya berpindah milik. Dia dan anak isterinya berpindah ke Bedong dan menjadi kuli ladang getah milik ceti. (Hlm. 117).

Seterusnya;

Akibat tersepit dengan padi kunca dan gadai janji, tanah sawahnya bertukar tangan kepada seorang berharta di Sungai Petani. Sawah itu, kini dikerjakan oleh Akob yang dibawa oleh Lebai Mat dari Padang Pusing. (Hlm. 117).

Begitu juga dengan petikan berikut;

Long Pendekar juga percaya, ban tali air itu juga akan menjadi punca aliran kemudahan asas ke kampung-kampung yang terletak di tengah sawah. Bekalan air dan elektrik menjadi lebih mudah dibawa masuk. Kini, kebanyakan rumah bukan sahaja malap tetapi menghasilkan jelaga yang menyumbat lubang hidung. (Hlm. 132)

Sehubungan dengan itu, maka perubahan yang berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung ini memberi impak yang luar biasa kepada transformasi agraria dalam kaedah pertanian di Negeri Kedah (Noor Aida Razali, 2022). Pengambilalihan tanah oleh kerajaan pada asasnya bertujuan mengubah landskap pertanian negara secara menyeluruh. Namun begitu, perubahan tersebut turut memberi kesan besar terhadap emosi petani serta ekosistem kehidupan mereka. Justeru, naratif tersebut bukan sahaja menggambarkan kesan pembangunan, tetapi juga menjadi medium memahami pengalaman kolektif masyarakat dalam arus perubahan sejarah (Thompson, 1966; Williams, 1977).

KONFLIK GENERASI -TRADISI DAN MODENISASI

Komuniti pertanian padi di negeri Kedah suatu ketika dahulu sangat kukuh dan bergantung kepada kaedah tradisional terutama cara penanaman yang memerlukan perubahan musim iaitu bergantung kepada hujan (Faridah Hanim dan Zulkarnaen Haron, 2021). Jadi golongan petani sangat percaya kepada tradisi lama dan juga pemilihan benih padi yang sudah biasa digunakan. Tambahan pula, mereka mengusahakan dari mula menanam benih sehingga menuai dengan cara dan semangat tradisi. Jadi perasaan kasih sayang itu sangat mendalam seperti dalam petikan berikut;

Setelah bertahun-tahun sawah yang asalnya paya kita telah bertukar menjadi sawah yang subur. Tiba-tiba sawah hendak dikorek menjadi tali air. “Siapa yang tidak sayang pada tanah yang terbelah semata-mata kerana hendak dikorek menjadi tali air?” Fikiran Endut menjangkau jauh.... (Hlm. 44).

Begitu juga dengan petikan berikut;

“Sawah ini rosak kerana kita menentang hukum alam.” Tok Daoh menyambung lagi. “Menentang hukum alam bermakna menentang hukum Allah.” (Hlm. 48).

Jadi hal ini menjelaskan bahawa pendapat Faridah Hanim dan Zulkarnaen Haron (2021), perubahan yang berlaku memerlukan pemahaman yang mendalam serta mengambil masa sebelum diterima dengan baik oleh para petani. Namun lama-kelamaan hal ini membawa kepada perubahan landskap sejarah agraria negara (Teh dan Yusuf, 2023). Perkara ini juga berkaitan dengan perubahan dari segi intelek petani yang memerlukan masa untuk memahami atau menerima sesuatu perubahan yang dilakukan secara mendadak (Ramli Jaafar, 2022) seperti dalam petikan berikut;

“Buat apa kita nak belajar lagi?” soal Tok Daoh. “Tak ada faedahnya kita dah tua.”
“Ini yang dikatakan kerajaan kita buat kerja sia-sia. Nak maju tak kena tempat” Omar menambah. “Lani nak buat tali air pula. Karut betul.” (Hlm. 76-77).

Sudah pasti ada penentangan yang perlukan kesabaran untuk diterima oleh petani. Namun begitu, tidak semua masyarakat petani berfikir tradisi (Shad Saleem Faruqi, 2022). Terdapat juga yang rasional dan terbuka untuk menerima perubahan seperti dalam petikan berikut;

Walaupun Mohd Syukran hanya berkelulusan Pondok Man Bukit Besar, kepetahannya dalam pidato tidak dinafikan. Banyak orang kagum dengan hujahnya, terutama berkaitan dengan projek tali air yang dianggap membazir dan merugikan petani. Dalam bidang agama juga dia tidak kurang handal, terutama apabila memperkatakan undang-undang Islam. Dia lulus 4 senawi di Pondok Pak Man. (Hlm. 90).

Kesinambungannya dengan petikan berikut;

Ini lebih berpaksikan kepada sikap yang tidak mahu berubah dan menulikan telinga daripada mendengar suara dan keputusan orang lain. (Hlm. 191)

Kehidupan para petani ini amat sukar bukan semata-mata dibelenggu oleh kemiskinan, mereka juga terpaksa menghadapi bahaya alamiah lain seperti dalam petikan-petikan berikut;

Di dalam air pula, membiak biawak gabuk sebesar anak buaya. Lintah gajah tidak kurang ganasnya. Sekali betis atau paha digigit, susah sekali untuk ditinggalkan. Hanya dengan air tembakau, baru lintah itu luruh dan tempat gigitan terus mengalir darah. (Hlm. 115).

Seterusnya;

Daoh tidak dapat membayangkan bagaimana sukarnya kerja memugar tanah paya yang dipenuhi pokok nipah, menerung, mengkuang, gelenggang, bakung dan pulai. Selepas pokok-pokok itu ditebang tebas, tinggal pokok pulai dan gelam. Pokok pulai, kayunya lebih lembut dan mudah reput tetapi pokok gelam, kayunya liar dan tahan terendam. (Hlm. 114)

Jelas, usaha untuk menjadikan hutan paya sebagai sawah padi sangat memeritkan. Semua ini menjadi dokumen sosial yang merakamkan dan menyimpan rekod sejarah pertanian negara seperti yang dijelaskan dalam kajian oleh Siti Rahmah Abdul Karim (2021). Kegigihan para petani ini akhirnya membawa kepada kejayaan yang telah merubah landskap agraria negara (Syed Husin Ariffin, 2023) seperti dalam petikan-petikan berikut;

”Kini tanah yang dulunya paya dan penuh dengan semak samun, telah menjadi sawah yang subur.” (Hlm. 115).

Seterusnya;

Daoh tidak dapat melupakan berapa banyak peluhnya meleleh dan tenaga mudahnya dicurahkan kepada sawah yang menjadi jantung hati dan nadinya berdenyut dalam jasadnya yang semakin uzur. ... Disebabkan tanah sekeping ini, dia sanggup berselisih faham dengan anak tunggalnya, Deraksa. Dia tidak kesal Deraksa membawa diri ke Labung Kubong, Perak. Deraksa terpengaruh dengan rakan-rakannya yang meneroka tanah untuk dijadikan sawah di sana. (Hlm. 118).

Walaupun begitu, semua orang masih mempunyai pendirian yang bukan semuanya boleh menerima perubahan atau nasihat dengan mudah. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut;

“Dah banyak tahun dia bawa padi itu. katanya berasnya sedap. Dia tidak mahu tukar dengan benih lain.”

Endut menepuk dahi. Sedarlah dia, kedatangan Lebai Mat lebih didorong oleh maslah yang tidak disangka-sangka ini. (Hlm. 189).

“*Berma Jawi* itu padi tahun.” Endut tidak habis menggeleng. “Kita tanam padi dua musim.” Tetapi dia tidak ragu-ragu bersuara, “Aku takut padi kamu jadi padi batat.” (Hlm. 193).

Perubahan pastinya akan membawa juga kepada perubahan lain seperti dalam petikan-petikan berikut;

Pesawah lain juga sama. Ada yang terpaksa membawa pengandar mencari rumput di tempat jauh. ... Rumput pada setiap batas amat berharga. Masing-masing mengawal rumputnya daripada dikebas orang. (Hlm. 205).

Baginya masalah kerbau ialah masalah besar yang perlu ditangani secara beransur-ansur dan penuh hemah. (Hlm. 210).

Lepas itu, tak tahulah. Apalagi apabila jentera digunakan sepenuhnya. “Mahu tidak mahu kita terpaksa mengikut perubahan masa.” Endut bersuara.... (Hlm. 224).

Pesawah menggunakan racun dan menyemburnya secara bersendirian. Malangnya, racun yang digunakan bukan sekadar membunuh serangga dan ulat batang dan daun padi, tetapi semburan itu apabila menitis ke air turut membubuh semua jenis ikan yang membesar di dalam sawah. (Hlm. 227).

Jadi masalah seperti ternakan dan juga aktiviti menangkap ikan juga menimbulkan kesan kepada penduduk yang sangat bergantung hidup dengan sawah. Semua ini perlu dilalui dengan tabah demi sebuah perubahan yang lebih baik kepada petani seperti yang perkatakan oleh Ahmad Faizal Musa, (2023); perubahan diperlukan juga demi kebaikan. Maka dalam hal ini semua yang dilalui oleh petani biarpun perit tetap akan merubah landskap sawah untuk kemudahan semua pihak. Dalam konteks teori sejarah sosial yang diketengahkan oleh Thompson (1966) dan Williams

(1977), isu ini memperlihatkan pengalaman harian masyarakat, khususnya golongan bawahan menjadi asas penting dalam memahami kesan pembangunan terhadap struktur sosial dan budaya.

PENGARUH LUAR KEPADA PETANI

Dalam hal ini, terdapat tiga perkara asas yang ditekankan dalam analisis kajian mengenai pengaruh luar terhadap petani iaitu tentang aspek politik, peranan institusi kerajaan dan peminggiran budaya desa. Hal ini sama seperti yang dijelaskan oleh Haliza Azman (2018), yang mengatakan isu-isu ini berlaku akibat perubahan yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Aspek-aspek tersebut adalah seperti berikut;

Aspek politik

Masyarakat sentiasa diberi penerangan oleh wakil-wakil orang parti politik tentang sesuatu perkara yang hendak dijalankan oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh, dalam hal ini Endut yang bertindak sebagai ketua kampung cuba menjelaskan tentang perubahan yang sedang berlaku di sekitar mereka;

“Ini projek besar kerajaan!” Tekan Endut lagi setelah Tok Daoh membisu. “Di sebelah utara projek ini dah bermula. Jentera pengorek dah masuk ke dalam sawah. Kerja mengorek tali air dah bermula” (Hlm. 50).

Usaha-usaha untuk menjelaskan tentang dasar kerajaan mula dilakukan oleh orang politik yang mewakili parti masing-masing kepada penduduk kampung seperti dalam petikan berikut;

Dalam kempen pertama di Kampung Alur Nipah, Endut tidak pasti berapa ramai orang kampung dan orang luar kampung datang. Daripada jumlah yang begitu ramai, ada yang duduk di tempat gelap dalam yang luas itu (Hlm. 69).

Maka dengan cara ini sesuatu dasar kerajaan akan sampai kepada golongan sasaran seperti yang diharapkan. Berikut adalah contoh petikan;

Kaum Melayu juga sama. Mereka kesal kerana hak mereka yang telah dipersetujui semua pihak dan termaktub dalam perlembagaan berani dipertikai dan diungkit. Endut bimbang. Sebagai petani dan insan kerdil yang serba kekurangan, dia dapat berfikir secara rasional tentang kegawatan yang berlaku dalam percaturan politik negara. (Hlm. 71).

Selain itu, sikap ahli politik yang taasub dan pengikut yang rasional juga menjadi penentu dalam hala tuju sesebuah dasar dan kejayaan hidup golongan petani. Perkara ini jelas melalui petikan-petikan berikut;

Jadi jelaslah menurut naratif dalam sesebuah karya sastera menjadi pencetus pengetahuan kepada pembaca tentang perubahan sejarah agraria di negara kita terutama peristiwa tersebut tercatat sebagai sejarah negara.

Keputusan PRU ke-3 berada pada jajaran yang membawa banyak hikmah. Pengundi semakin kritis dan hasilnya itulah keputusan yang diperoleh. ... betapa soal agama,

perkauman dan hak keistimewaan orang-orang Melayu telah diperalatkan bagi mengubah persepsi kaum. (Hlm. 153)

Beberapa orang broker telah datang menemuinya beberapa hari yang lalu. Mereka menawarkan harga yang berbeza untuk membajak sawah. ... Endut berfikir, mereka berduit termasuk tauke-tauke akan menjadikan kerja membajak sebagai satu perniagaan yang menguntungkan. (Hlm.163).

Sikap-sikap berpolitik ini menunjukkan kematangan dan juga perubahan yang perlu dihadapi oleh golongan bawahan. Hierarki fizikal dan kuasa selari dengan Williams (1977) yang berhujah mengatakah sastera adalah medan estetika struktur sosial. Aspek politik ini berperanan aktif dalam mempertahankan aspek politik sesebuah komuniti seperti yang dijelaskan oleh Noraini Jusoh (2021).

Peranan institusi kerajaan

Selain itu, agensi-agensi dalam kerajaan juga dilihat memainkan peranan penting seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam pembangunan penanaman padi. Hal ini dapat dilihat melalui contoh petikan berikut;

Tok penghulu mengakui peranan kerbau “Ini terpaksa kerana jentera menuai belum mencukupi walaupun pihak MADA telah mengambil tindakan sewajarnya.” (Hlm. 219). “MADA sedang mengatur rancangan bagi mengatasi segala masalah.” Tok penghulu tidak jemu memberi penjelasan. (Hlm. 220).

Dia telah dua kali bermesyuarat dengan pihak atasan, terdiri daripada pegawai Jabatan Pertanian dan MADA, menuai dengan cara lama perlu diteruskan untuk semusim dua ini. tetapi usaha keras sedang dilakukan untuk membawa masuk jentera menuai bagi memenuhi keperluan yang mendesak, termasuk memberi galakan kepada pengusaha tempatan. (Hlm. 237).

Dalam hal ini, MADA (institusi tertentu) sentiasa membantu para petani untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Pelbagai cara dilakukan agar penanam padi dapat mengadaptasi dengan perubahan yang sedang berlaku di persekitaran seperti cuaca, teknologi pembangunan (Teh dan Yusuf Ismail, 2023). Begitu juga dengan agensi-agensi lain turut memainkan peranan dalam memastikan petani sentiasa mendapat kemudahan yang secukupnya;

Pihak pengusaha kilang padi dan kilang Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) akan menyelaraskan peranan. Semua kilang telah mempunyai tempat mengeringkan padi, secara manual atau di dalam kilang. (Hlm. 220).

Segala usaha dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terutama kerajaan adalah agar semua masalah dapat diselesaikan;

“Aku dah jumpa tok penghulu,” jelas Endut ... “Sebuah traktor akan sampai esok. Traktor itu akan bekerja mengikut senarai yang ada pada aku.” (Hlm. 175).

Juga peruntukan seperti benih padi yang lebih ringan diberikan oleh kerajaan kepada petani;

Pada musim kali pertama ini, pihak berkuasa memberi kebebasan kepada pesawah memilih sama ada *Tangkai Rotan*, *Seribu Gantang* dan satu dua lagi untuk dijadikan benih. Tangkai Rotan memerlukan 122 hari untuk masak, manakala Seribu Gantang memerlukan 105-110 hari untuk dituai. Padi jenis ini dikatakan tahan penyakit, tidak mudah rebah dan akan masak mengikut tempoh yang ditetapkan. (Hlm. 184).

Begitu juga dengan golongan tertentu yang diberi kuasa untuk menjaga kebajikan golongan petani seperti ketua kampung dan penghulu. Hal ini jelas melalui petikan-petikan berikut;

Tok penghulu juga ada had kemampuannya. Persoalan ini lebih kepada perancangan pihak atasan yang melibatkan semua aspek yang boleh diselesaikan secara drastik. Ia melibatkan persoalan budaya hidup, kebiasaan tradisional yang sudah sebatikan dengan kehidupan para petani dan pemikiran yang perlu berubah selaras dengan norma hidup baru. (Hlm. 210).

Long Pendekar yang berkesempatan menemui EXCO Pertanian dan Hasil Bumi, YB Kasim Hamidin memberi penjelasan yang munasabah. Beliau tidak ragu-ragu mengakui racun berkekaan yang pertama kali digunakan, mendatangkan kesan sampingan yang menjejaskan ikan-ikan. (Hlm. 231).

Jadi aspek politik sebegini memperlihatkan faktor rintangan desa yang menjadikan kelas sosial dan juga taraf hidup petani, terutama penanam padi lebih dihargai dan berkeuntungan (Shamsul Amri Baharuddin, 2024). Petani yang sering dikaitkan dengan kemiskinan tegar sudah pasti dapat ditangani dengan baik dan berkesan jika aspek politik dipraktikkan dengan jujur dan amanah (Hassan Mat Zin, 2022).

Peminggiran Budaya Desa

Apabila berlaku ledakan perubahan, sistem penanaman padi juga berubah daripada sekali setahun kepada dua kali setahun. Hal ini telah mengakibatkan beberapa perubahan kepada seluruh sistem kehidupan, terutama dari segi penggunaan tenaga kerja yang beralih kepada teknologi moden. Perubahan ini digambarkan dalam petikan berikut:

Namun, Endut cepat berfikir. Dalam situasi sekarang, peranan kerbau tidak diperlukan lagi. Walaupun terdapat pesawah sudah turun ke sawah menggala tanah masing-masing dengan menggunakan kerbau, tetapi pandangan itu sudah dianggap tidak sesuai lagi. (Hlm. 163).

Sebaliknya, pengarang menggambarkan suasana di sawah padi seperti berikut setelah mengalami perubahan;

Kini suasana itu sudah berakhir. Traktor mengambil tempat, menggantikan penggunaan kerbau yang lambat dan banyak kerenah. (Hlm. 174).

Selain itu, sedangkan suatu ketika dahulu para petani akan bekerjasama dan bergotong royong dalam banyak hal seperti dalam petikan-petikan di bawah;

Jika Sepiah mencabut sepuluh unting semai di tapai semai Jainab, Jainab perlu membayar balik dengan jumlah yang sama apabila mencabut semai Sepiah. (Hlm. 195).

Esoknya semua orang Kampung Alur Nipah berhimpun di rumah Keria. Lebai Mat mengepit dua ekor ayam. Dolah Benggali juga membawa seekor ayam dara. Bakar Alur membawa dua ekor itik yang ditangkap petang kelmarin setelah beberapa hari tidak pulang. Orang lain juga tidak datang dengan tangan kosong. Ada yang membawa pucuk putat, pucuk janggus dan sudu itik untuk dibuat ulam. (Hlm. 262).

Sehubungan dengan itu, harga untuk sebuah perubahan selalunya akan datang dengan bayaran yang mahal. Segala yang dilakukan secara muafakat sedikit demi sedikit terhakis. Hal ini jelas seperti yang diperkatakan oleh Mohd Wahab (2021) sebagai perubahan radikal terhadap nilai desa. Realisme sosial ini tidak dapat dielakkan kerana masyarakat dan juga negara perlukan perubahan (Mohd Ismail Bakar (2020)). Secara keseluruhannya, pengaruh luar yang melibatkan aspek politik, peranan institusi kerajaan dan peminggiran budaya desa telah membawa kepada perubahan besar dalam kehidupan petani. Walaupun perubahan ini memberi peluang kepada peningkatan taraf hidup dan pemodenan sistem pertanian, namun juga menimbulkan konflik nilai dan menghakis amalan tradisional desa. Seperti yang diuraikan dalam teori sejarah sosial oleh Thompson (1966) dan Williams (1977) sastera menjadi medan yang merakam pengalaman kelas bawahan. Naratif petani ini mencerminkan proses pergelutan antara tradisi dan modenisasi, serta menunjukkan struktur sosial, kuasa politik dan budaya berinteraksi dalam membentuk landskap sejarah agraria negara.

Ketahanan Identiti Para Petani

Dalam konteks penanaman padi, isu yang berkaitan dengan agen kelas dalam kehidupan golongan petani seperti status sosial, kehidupan bermasyarakat, serta pendirian dan pegangan hidup masing-masing sering menjadi rencah penting yang membentuk jati diri mereka. Menurut Ahmad Faizal Musa (2023), aspek ini mencerminkan kesedaran ideologi dalam kalangan masyarakat, khususnya para petani. Hal tersebut dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

“Tujuan saya mengadakan pertemuan malam ini tak lain daripada mendengar pendapat semua orang. Saya puas hati. Saya harap perbezaan pendapat kita tak akan merenggangkan bunga kita. Sebaliknya mengukuhkan lagi dalam menghadapi hidup yang semakin mencabar.: Dia berhenti seketika dan batuk-batuk lagi (Hlm. 27-28).

Petikan ini memperlihatkan semangat kebersamaan, toleransi terhadap perbezaan pandangan dan keutuhan identiti petani menjadi kekuatan kolektif untuk berhadapan dengan cabaran kehidupan. Mereka mempunyai hak untuk menentukan kehidupan dan juga hala tuju perjuangan dalam pertanian seperti dalam petikan berikut;

“Aku tak kira pampasan.” Tok Daoh terangkat kening. “Pampasan itu tak lebih daripada gula-gula kerajaan.” Tok Daoh teringat, fikirannya pada isi ceramah yang diapi-apikan (Hlm. 77).

Walaupun begitu, tradisi semangat bekerjasama dan bergotong-royong diteruskan dalam suka dan duka. Seperti dalam petikan berikut;

Biarpun hidup dalam bendungan kemiskinan, segelintir penyokong tegar, sanggup bergolok bergadai mengadakan kenduri kesyukuran. Ada yang sanggup mengorbankan binatang kesayangan, kerbau yang menjadi nadi dan nyawa dalam mengerjakan sawah. Tidak kurang pula menyembelih kambing dan ayam, itik dan menjajak jiran masa bersama-sama, bergotong-royong dengan kegembiraan luar biasa (Hlm. 108).

Sudah pasti akan ada pertentangan ideologi seperti dalam petikan berikut;

Melihat orang semakin ramai berhimpun, dia (Long Pendekar) risau juga. tadi dia sudah menyuruh anak lelakinya pergi ke balai polis di Pekan Simpang Tiga. Dia berharap polis akan datang segera untuk menyuraikan perhimpunan itu. kehadiran YB Mohd Syukran elok sangat. Jika wakil rakyat itu boleh disabitkan dengan perhimpunan itu, hatinya akan puas. Kekalahan Perikatan di DUN Sala amat berbekas di hatinya, juga para penyokong fanatik yang lain (Hlm. 124-125).

Namun mereka perlu menerima perubahan identiti untuk terus bersaing dan maju. Petikan berikut menjelaskan hal tersebut;

Mengerjakan sawah hanya sekali setahun, dia dapati pesawah mempunyai banyak masa lapang, sedangkan masa itu boleh digunakan untuk kegiatan lain yang berfaedah terutama untuk menambah pendapatan. ... Kerajaan pula sehingga kini belum melaksanakan sesuatu yang boleh menjadikan pesawah lebih aktif dan berdaya maju (Hlm. 143).

Tanah perlu dibajak dua kali. Ini menjadikannya lembut dan rumput yang masih tumbuh di sana-sini dalam sawah, tajak digunakan untuk mencantas biar hanyut ke tepi batas pesawah masih ada kesempatan menggunakan kerbau untuk meratakan sawah. Tenggilang yang diperbuat daripada batang balak sepanjang enam hasta dan ditarik oleh kerbau digunakan secara meluas. (Hlm. 195).

Semaian cukup umur setelah mencapai usia 25-30 hari. Ia sudah cukup panjang untuk dicabut. Mencabut semaian juga dikerjakan secara berderau. (Hlm. 195).

Dalam hal ketahanan identiti para petani, adaptasi terhadap perubahan telah membawa kepada penerimaan yang akhirnya menjadi sebahagian daripada cara hidup baharu petani (Noriah Mohamed Shamsuddin, 2023). Keseluruhan aspek naratif sejarah sosial, realisme sosial dan ekosastera telah di sintesis secara harmoni dalam novel *Beralih Sebuah Piama* oleh Osman Ayob (2024). Konflik antara tradisi dan moden, peminggiran budaya, politik penampilan dan agen kelas memperlihatkan keutuhan teori sejarah sosial seperti hujahan Thompson (1966) tentang kesedaran kelas serta Williams (1977) tentang struktur perasaan masyarakat. Hal ini diperkukuh dengan kajian konteks Malaysia oleh Wan Haslina Hassan (2022) dan Ahmad Faizal Musa (2023). Oleh itu, novel ini bukan sekadar dokumentasi budaya, tetapi menjadi wacana tandingan yang mengkritik pembangunan negara dari sudut identiti, estetika dan struktur kuasa, di samping menegaskan fungsinya sebagai teks sastera sejarah agraria tempatan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis ini memperlihatkan novel *Beralih Sebuah Piama* (Osman ayob, 2024) bukan sahaja mengangkat pengalaman petani dalam menghadapi cabaran sosioekonomi, malah turut mencabar dominasi naratif pembangunan negara yang selama ini didominasi oleh suara elit dan institusi tertentu. Melalui pendekatan sejarah daripada bawah oleh Thompson (1966) serta realisme sosial (Williams, 1977), novel ini menampilkan suara masyarakat marhaen sebagai agen yang memiliki kesedaran ideologi, identiti dan daya tahan. Pada masa yang sama, kajian turut menyingkap simbolisme ruang dan pertembungan budaya yang memberi makna lebih luas terhadap kehidupan petani. Malah, interaksi manusia dengan alam sekitar seperti sawah, hujan, tanah dan air membuka ruang kepada bacaan ekosastera dan krisis iklim. Hal ini menjadikan novel ini relevan bukan sahaja dalam konteks sejarah dan sosial tetapi juga dalam kerangka wacana ekologi kontemporari.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2021). *Sastera dan masyarakat: Wacana pasca-kolonial dalam kesusasteraan Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Faizal Musa. (2023). *Sastera dan sejarah sosial: Suara marhaen dalam naratif Melayu kontemporari*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Aziz Deraman. (2022). *Budaya dan pembangunan: Satu pendekatan kemanusiaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Hamzah Ahmad. (2020). Estetika dan ideologi dalam novel Melayu moden. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 22(1), 55–72.
- Faridah Hanim & Zulkarnaen Haron. (2022). Realisme sosial dan naratif petani dalam novel kontemporari Malaysia. *Jurnal Kritikan Sastera*, 18(2), 88–105.
- Ghazali Salleh. (2022). Diskursus tanah dan pemilikan dalam karya fiksyen sejarah. *Jurnal Warisan Melayu*, 5(1), 14–30.
- Haliza Azman. (2018). Land development and cultural displacement in Malaysian novels. *Asiatic: IJUM Journal of English Language and Literature*, 12(1), 88–105.
- Haslina Ismail. (2020). Sawah dan simbolisme budaya dalam novel Melayu kontemporari. *Jurnal Kritikan Sastera*, 7(1), 112–130.
- Hassan Mat Zin. (2022). *Petani dan politik tanah dalam sejarah Malaysia moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hassan Wan Abdul Kadir. (2021). *Naratif sejarah rakyat dalam sastera Melayu*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan Press.
- Mohd Ismail Bakar. (2020). Naratif petani dan konflik agraria dalam novel Melayu. *Jurnal Bahasa dan Budaya*, 12(1), 22–39.
- Mohd Wahab. (2021). Krisis kemiskinan dan sastera desa di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 6(1), 33–49.
- Noor Aida Razali. (2022). From paddy fields to urban margins: Reading displacement in Malay fiction. *JATI - Journal of Southeast Asian Studies*, 27(1), 135–152.
- Noor Shah Moin Hasan. (2020). Budaya dan agensi desa dalam konteks pembangunan. *Jurnal Kebudayaan Melayu*, 15(1), 34–49.

- Noraini Jusoh. (2021). Resistensi dan naratif desa dalam novel 'Pasir Putih'. *Southeast Asian Literature Review*, 4(2), 64–83.
- Noriah Mohamed Shamsuddin. (2020). Sastera, sejarah dan identiti Melayu: Suatu pendekatan interdisiplin. *Jurnal Akademika*, 90(3), 12–28.
- Noriah Mustafa. 2023. Realiti dan representasi petani dalam sastera Melayu. *Jurnal Sastera dan Budaya Nusantara*, 6(1), 78–96.
- Osman Ayob. (2024). *Beralih Sebuah Piama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Jaafar. (2022). Peralihan budaya dalam komuniti agraria: Suatu bacaan kontekstual. *Jurnal Sejarah Sosial*, 10(1), 40–56.
- Roselina Abdul Hamid. (2020). Rural imaginary and subaltern voices in contemporary Malay novels. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(3), 99–114.
- Shad Saleem Faruqi. (2022). *Documenting Malaysian History through Literature*. Shah Alam: UiTM Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2024). Masyarakat desa dan pembangunan: Keperluan pendekatan interdisiplin. *Jurnal Pemikiran Sosial Malaysia*, 45(1), 1–18.
- Shamsul Azri Mohamad Radzi. (2025). *Beralih Sebuah Piama: Membongkar politik penampilan dalam wacana pascakolonial*. Dewan Sastera, Mei 2025. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2025/05/06/16402/>
- Siti Rahmah Abdul Karim. (2021). Naratif mikro dan sejarah budaya dalam novel Melayu pascakolonial. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 22–40.
- Syahrul Azmi Rashid. (2020). Pembangunan luar bandar dalam novel Melayu mutakhir. *Jurnal Kajian Sastera*, 31(1), 51–69.
- Syed Husin Ariffin. (2023). Agrarian reform and cultural identity: Rethinking rural narratives in Malaysian fiction. *Kajian Malaysia*, 41(2), 77–95.
- Teh Siew Yean & Yusof Ismail. (2023). Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan kesejahteraan petani kecil: Analisis dasar beras nasional. *Kajian Ekonomi dan Pembangunan*, 39(1), 64–81.
- Thompson, E. P. (1966). *The making of the English working class*. Vintage Books.
- Williams, R. (1977). *Marxism and literature*. Oxford University Press.
- Zawiyah Baba Abdullah. (2019). Sastera dan kuasa: Pembentukan identiti Melayu dalam novel. *Jurnal Melayu*, 18(2), 103–120.

BIODATA PENULIS

Husairi Hussin merupakan pensyarah kesusasteraan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM). Juga dikenali dengan nama Putraery Ussin sebagai penulis kreatif yang menghasilkan novel, cerpen, skrip drama, buku cerita kanak-kanak dan puisi.